



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	23/11/2020	MUKA SURAT	:
JABATAN	:	SEKTOR TENAGA		37
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Bina loji jana kuasa solar baharu RM110 juta di Bidor, Perak

Kosmo - Niaga 23/11/2020 N° 37

Gading Kencana perintis NEDA

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

SHAH ALAM – Penyedia perkhidmatan tenaga boleh diperbaharui, Gading Kencana Development Sdn. Bhd. (Gading Kencana) menjadi perintis bagi skim New Enhanced Dispatch Arrangement (NEDA) menerusi pembinaan loji jana kuasa solar baharu syarikat itu tahun depan.

Projek loji berskala besar di Pekan Pasir, Bidor, Perak itu akan dibina di kawasan berkeluasan 30 hektar dengan peruntukan kos bermula RM110 juta.

Pengarah Urusannya, Datuk Dr. Ir. Guntor Mansor Tobeng berkata, pembinaan loji berkapasiti pengeluaran tenaga sebanyak 30 megawatt (MW) itu dilaksanakan selepas pihaknya memeterai perjanjian dengan Tenaga Nasional Bhd. (TNB) pada Jun lalu.

"Projek yang telah mendapat kelulusan Suruhanjaya Tenaga itu kini dalam proses akhir pengurusan termasuk melibatkan surat kebenaran merancang dan bekalan air.

"Jika semuanya berjalan lancar, pembinaan akan dijalankan bermula tahun depan dan dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2022," katanya ketika ditemui Kosmo di pejabatnya di Seksyen



GUNTOR menunjukkan ladang solar milik Gading Kencana di Kampung Jeram, Mengkuang, Bidor, Perak baru-baru ini.

13 di sini baru-baru ini. Gading Kencana memiliki dua ladang solar di Ayer Keroh, Melaka dan Kampung Jeram Mengkuang, Bidor yang masing-masing berkapasiti pengeluaran tenaga sebanyak lapan dan 30 MW.

Kedua-dua loji berkenaan me- libatkan kos pembinaan keseluruhan bernilai lebih RM300 juta dan dikendalikan sepenuhnya oleh pekerja tempatan.

"Namun, berbekalkan kemam-puan dan pengalaman dalam industri tenaga solar sejak 1993, kami yakin mampu menguruskan loji baharu itu sebaik mungkin kelak," katanya.

NEDA mula diperkenalkan

pada Oktober 2015 seiring pelan reformasi industri bekalan elektrik yang bertujuan memupuk persaingan antara penjana tenaga di negara ini.

Skim itu tidak menetapkan sebarang had tempoh perjanjian berbanding Projek Loji Jana Kuasa Solar Berskala Besar (LSS) iaitu selama 21 tahun.

Selain itu, kata beliau, syarikat turut membida Projek Loji Jana Kuasa Solar Berskala Besar Pusingan Keempat (LSS4) yang bakal menawarkan jumlah kapa- siti pengeluaran tenaga sehingga 1,000 MW.

"Bidaan berkenaan mula dibuka sejak September lalu dan melibatkan sebanyak 97 syarikat tempatan.

"Keputusan dijangka diper-syarikat bersedia menyahut se- ruan kerajaan menjadi perintis dan terus menerokai industri bekalan elektrik.

"Skim itu meliputi Sistem Har- ga Marginal (SMP) iaitu nilai tarif bahan bakar bergantung kepada faktor permintaan dan pasaran semasa yang tidak menentu.

Guntor menerangkan, biarpun menyedari cabaran lebih getir bakal dihadapi menerusi NEDA, syarikat bersedia menyahut se- ruan kerajaan menjadi perintis dan terus menerokai industri bekalan elektrik.

"Keputusan dijangka diper-syarikat terpilih dalam projek tersebut," katanya yang me- rima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Sains) Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) pada 8 No-